

29 APR 1999

Ling-Kerjasama

PAKATAN POLITIK MCA-UMNO PALING KUKUH DI DUNIA

SEGAMAT, 29 April (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata negara seharusnya berasa bangga kerana pakatan politik antara Umno dan MCA dapat bertahan hampir setengah abad menjadikannya satu pakatan paling lama berkuasa dan paling kukuh di dunia.

MCA mempunyai hubungan kerjasama yang rapat dan mesra dengan Umno sejak tahun 1952 sehingga lahirnya satu pakatan politik antara kaum yang jujur dan ikhlas, katanya.

Bagaimanapun selaras dengan perkembangan politik dan sosial negara, pakatan itu telah diperluaskan sehingga lahir pula Barisan Nasional (BN) yang disertai 14 buah parti komponen mewakili semua kaum di negara ini, katanya pada jamuan malam MCA Johor di Kolej Tunku Abdul Rahman, dekat sini, malam tadi.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Dr Ling berkata di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, BN telah mendapat sokongan kuat daripada rakyat berbilang kaum dan diberi mandat yang besar dalam setiap pilihan raya umum.

Malaysia mencapai kemajuan dan kejayaan yang cukup membanggakan dalam semua bidang di bawah kepimpinan Dr Mahathir sehingga menjadi sebuah negara yang pesat membangun serta dicontohi banyak negara, kata beliau.

Semua ini dapat dicapai kerana negara mempunyai kestabilan politik, keharmonian kaum, kerajaan yang cekap dan rakyat yang rajin berusaha di samping mempunyai seorang pemimpin yang bijak dan sentiasa prihatin terhadap kehendak rakyat, kata Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan.

Mengenai perkembangan politik di Johor, Dr Ling berkata beliau yakin BN negeri Johor akan dapat mengulangi rekod cemerlang pada pilihan raya umum akan datang dan mempertahankan Johor sebagai kubu kuat BN.

Pada pilihan raya umum tahun 1995, BN memenangi kesemua 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri di Johor.

Dr Ling juga gembira kerana hubungan MCA dan Umno di Johor sentiasa mesra, harmoni dan saling bertolak ansur.

-- BERNAMA

MKO RON